

PEMAKAIAN KOSA KATA BAHASA MELAYU DIALEK NEGERI SEMBILAN DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT DESA

1.0 PENDAHULUAN

MASYARAKAT desa di Negeri Sembilan mencari nafkah berusaha dalam bermacam-macam pekerjaan. Pekerjaan mereka itu dapat digolongkan sebagai berikut:

- (a) Pekerjaan kampung, iaitu pekerjaan sebagai petani, penoreh getah, peladang, peternak, pemburu, peramu (orang yang mencari hasil hutan), penangkap ikan dan perencam (orang yang mengambil upahan).
- (b) Pekerjaan menganyam, itu kerja yang diusahakan oleh pengayam tikar, penganyam *buluh* dan *bertam* (sejenis tumbuh-tumbuhan), pembuat sangkar burung, pembuat ukiran, pembuat jala dan penyemat atap.
- (c) Pedagang, ialah mereka yang berusaha sebagai penjaja, pekedai dan lain-lain.

Walaupun masyarakat desa di Negeri Sembilan ini berusaha dalam bermacam-macam pekerjaan, namun sebagai anggota masyarakat mereka tidak terpisah-pisah dan dapat berkomunikasi langsung sesama mereka dalam satu bahasa, iaitu bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan. Penggolongan dibuat hanya untuk memudahkan pengolahan pemakaian kosa kata yang dipakai mereka dalam kehidupan sehari-hari.

2.0 KOSA KATA PEKERJA KAMPUNG

2.1. Petani

Petani ["... (W.J.S. Poerwadarminta, 1967 : 748, 1016) memberikan erti : orang yang mata pencariannya, bercocok tanam atau mengusahakan tanah

*Artikel ini dipetik dan disesuaikan dari sebahagian dari tesis Sarjana Sastera penulis, "Pemakaian Kosa Kata Bahasa Melayu Dialek Negeri Sembilan dalam Kehidupan Masyarakat Desa", untuk Universitas Sumatera Utara, 1982.

....”]. Dalam konteks ini petani ertinya pesawah atau orang yang mengusahakan tanaman padi di sawah. Walaupun alam Negeri Sembilan berbukit-bukit tetapi padi yang diusahakan hanya jenis padi sawah. Dahulu padi ladang (huma) ada diusahakan, tetapi perubahan corak ekonomi telah mengganti padi ladang dengan tanaman pokok getah. Jadi padi ladang sudah tidak terdapat lagi di kalangan petani, bahkan tidak dikenal oleh generasi muda sekarang.

Sebelum turun ke sawah petani-petani terlebih dahulu memohon doa. Upacara doa ini ada dua jenis. Yang pertama berdoa di pusara nenek moyang yang dianggapnya keramat, dan disebutnya (kubo) *datok*. Yang kedua berpuar, iaitu satu upacara *dual* ‘perlawanan’ di tanah lapang dekat sawah dengan menggunakan batang *puar* ‘sejenis keladi’. Kedua jenis doa ini tujuannya sama dan dianggap saling melengkapi. Dengan upacara itu mereka percaya bahawa Allah S.W.T. akan melimpahkan hasil yang lumayan, dan percaya bahawa *jin-jin datok* itu akan melindungi tanaman mereka dari serangan musuh tanaman seperti tikus, burung, serangga, babi dan penyakit padi, bahkan juga menjauhkan bencana banjir. Dalam upacara doa itu, pengaruh tradisi manimisme dapat dilihat, walaupun doa yang dibacakan itu ayat-ayat suci Al-Qur’an. Mereka membawa pulut kuning dengan telur rebus ke pusara nenek moyang yang ditentukan turun-temurun. Upacara ini dilakukan oleh seorang *pawang*.

Dalam upacara berdoa ini didapati pemakaian kosa kata berikut:

porasap	/pɔɣasap/	‘dupa’
komoyan	/kɔmɔyan/	‘kemeyan’
borotek	/bɔɣɔteh/	‘bertih’
boreh basoh	/bɔɣɛh basɔh/	‘beras basuh’
pawang	/pawɑŋ/	‘pawang’
topong tawa	/tɔpɔŋ tawa/	‘teping tawar’
ubek badi	/ʔubɛ? badi/	‘ubat badi’ (penyakit padi)
molai	/mɔlai/	‘melai’ (bahan ubat)
kunyet	/kunjɛt/	‘kunyit’
baya niat	/baya niat/	‘menunaikan niat’
longkueh	/lɔŋkueh/	‘lengkuas’ (bahan ubat)
pulut kuneng	/pulot kunɛŋ/	‘pulut kuning’
nasi somorep	/nasi? sɔmɔɣɛp/	‘nasi pulut berbunga telur’
pua	/pua/	‘sejenis tumbuh-tumbuhan menyerupai keladi’
bopua	/bɔpua/	‘bertarung’
bubo itam	/bubo itam/	‘bubur pulut hitam’
bubo puteh	/bubo puteh/	‘bubur pulut putih’
cendo	/cɛndɔ/	‘cendol’
tolo roboeh	/tɔlɔ ɣɔboeh/	‘telur rebus’.

Petani turun ke sawah setelah menjalankan upacara doa untuk tahun itu.

Kosa kata khusus yang dipakai dalam pekerjaan dari mulai turun ke sawah hingga padi dituai adalah seperti berikut:

naekan ae	/naeʔan ʔae/	'naikkan air'
ompang	/ʔɔmpaŋ/	'empangan'
kince	/kince/	'alat menaikkan air dari sungai'
bonda	/bɔnda/	'tali air'
muek bonda	/mueʔ bɔnda/	'memperbaiki tali air'
cangko	/caŋko/	'cangkul'
nyangko	/ɲaŋko/	'menyangkul'
toruyong	/tɔɽuyɔŋ/	'alat menyangkul dari batang enau'
lopak	/lɔpaʔ/	'petak sawah'
pomatang	/pɔmataŋ/	'batas sawah'
nyomulo	/ɲɔmulɔ/	'menyangkul: cangkulan pertama'
bajak	/bajaʔ/	'bajak'
majak	/majaʔ/	'membajak'
kobau	/kobaw/	'kerbau'
malek	/maleʔ/	'menyangkul kali kedua'
lulok	/luloʔ/	'sawah yang siap untuk ditanam'
muek lulok	/mueʔ luloʔ/	'meratakan tanah sawah'
boneh	/bɔneʔ/	'benih'
mayan	/mayan/	'tempat semaian'
nyomai	/ɲɔmai/	'menyemai'
nyabot boneh	/ɲabot bɔneʔ/	'mencabut benih padi'
ngubah	/ŋubah/	'mengubah'
bajo	/bajo/	'baja'
punong	/punoŋ/	'dangau'
ngumpot	/ŋumpot/	'mengumpot'
nyulam	/ɲulam/	'menanam semula padi di tempat yang mati'
lopehan ompang	/lɔpehan ɔmpaŋ/	'melepaskan empangan'
ngorengan ae	/ŋɔɽeŋan ʔae/	'mengeringkan air sawah'
omol-omol/	/ʔɔmɔl-ɔmɔl/	'orang-orangan'
orang-orang		
tuai	/tuai/	'tuai'
nuai	/nuai/	'menuai'
ngupah	/ŋupah/	'mengupah'
nyorayo	/ɲɔɽayoʔ/	'meminta tolong mengerjakan sawah padi selepas itu diberi makan'
		'mengetam padi'
manteng	/mantenŋ/	

goma	/gɔma/	'gemal'
bako	/bako/	'bakul dari mengkuang'
guni	/guni/	'guni'

Secara ringkas pemakaian kosa kata *naekan ae* 'menaikkan air' bererti usaha menyalurkan air dari sungai ke sawah. Air dari sungai yang agak kecil dialirkan dengan membuat empangan, tetapi air dari sungai yang besar dan dalam, tempat empangan tidak dapat dibuat, air dimasukkan dengan *kince*. Air yang dialirkan dari sungai itu disalurkan ke *lopak sawah* 'petak sawah' dengan *bonda* 'tali air'.

Petani menyangkul dengan cangkul atau *teruyong*, sejenis alat yang dibuat dari batang enau, tetapi ada juga yang menggunakan bajak. Mereka yang sawahnya lebar sering diusahakan. Bila sampai waktu menanam padi, bantuan dari saudara pihak suami diperlukan. Bantuan mereka itu tidak dibayar, kalau dibayar disebut *ngupah* 'mengupah'. Dalam hal ini kosa kata yang dipakainya *nyorayo* 'membantu'. Orang-orang yang ikut *nyorayo* akan disediakan makan minumannya. Minuman dihantar ke sawah tempat mereka bekerja, tetapi makan tengah hari disediakannya di rumah. *Nyorayo* juga diminta pada waktu menuai.

punong	/punoŋ/	'dangau'
ebong	/ʔɛboŋ/	'bekalan'
ae	/ʔae/	'air'
bokeh ae	/bokehʔae/	'bekas air'

Pemakaian kosa kata di atas didapati pada petani yang menyangkul jauh dari rumahnya. Mereka yang sawahnya agak jauh dari rumah, pergi pada waktu pagi dan pulang pada waktu petang. Pada waktu pergi mereka membawa *boka* 'bekal' dan menempati *punong* 'dangau' yang biasaya didirikan di tengah-tengah sawah. Di dangau itu mereka akan solat zuhur, makan dan beristirahat sebelum bekerja lagi hingga petang. Pada minggu pertama menyangkul mereka sekaligus mengusahakan tempat semeian untuk menyemaikan bibit-bibit padi. Dalam mengusahakan tempat semeian ini didapati pemakaian kosa kata berikut.

mayan	/mayan/	'tempat semeian'
boneh	/boneh/	'bibit'
rago	/ʔago/	'raga'
daun paleh	/daun paleh/	'daun palas/ketupat'
kotupek	/kotupeʔ/	'ketupat'
tanah baka	/tanah baka/	'baja tanah bakar'
paga	/paga/	'pagar'
maga	/maga/	'memagar'

Pemakaian kosa kata:

malek	/maleʔ/	'menyangkul kali kedua'
muek lulok	/mueʔ luloʔ/	'meratakan tanah sawah'
lulok	/luloʔ/	'sawah yang siap untuk ditanami'.

didapati pada proses menyangkul hampir selesai, iaitu bersamaan dengan masa umur benih padi cukup untuk diubah. Setelah mengubah didapati pemakaian kosa kata:

masokan ae	/masoʔan ae/	'masukkan air'
polopeh	/pɔlɔpɛh/	'pelepas'

Apabila padi sudah besar banyak rumput tumbuh di antara rumpun-rumpun padi. Rumput itu tidak dibiarkan begitu saja, harus dibuang. Masa membuang rumput itu terdapat pemakaian kosa kata berikut:

ngumpot	/ŋumpot/	'merumput'
nyorayo	/ɲɔʔayɔ/	'minta bantuan'
nyisep	/ɲisep/	'menanam padi di rumpun yang mati'
bajo	/bajo/	'baja'
majo	/majo/	'menaburkan baja'
baja baka	/bajo baka/	'baja tanah bakar'

Sesudah merumput mereka sibuk pula menyiapkan tempat padinya. Pada masa ini didapati pemakaian kosa kata berikut:

rumah lungok	/ʔumah luŋgoʔ/	'tempat menyimpan padi'
kopok	/kɔpoʔ/	'tempat menyimpan padi'
kui	/kui/	'tempat menyimpan padi'

Terdapat perbezaan dalam pemakaian kosa kata tersebut. *Rumah lungok* ialah tempat menyimpan padi yang baru saja dituai. *Kopok* ialah tempat menyimpan pada yang sudah diirik, tetapi belum diangin. *Kui* ialah tempat menyimpan padi yang sudah diangin, iaitu yang sudah dibersihkan.

Bila padi sudah besar dan mulai bunting dan masak didapati pemakaian kosa kata berikut:

bunteng	/buntɛŋ/	'padi bunting'
ninjau musin	/ninjaw musin/	'mulai berbuah sebatang-sebatang'
nyunjong bungo	/nunjoŋ buŋa/	'sedang terbit'
baru bosusu	/baʔu bosusu/	'sedang bersusu'
porompeng	/pɔʔɔmpɛŋ/	'hampir masak'
nguneng	/ŋunɛŋ/	'menguning'
somangat	/sɔmangət/	'lebat buahnya'

dan pada masa menuai didapati kosa kata sebagai berikut:

tuai	/tuai/	'tuai'
nuai	/nuai/	'menuai'

masak	/masaʔ/	'masak'
kukoh	/kukoh/	'terlalu masak'
robah	/ʔɔbah/	'rebah'
manteng	/mantɛŋ/	'membanting'
nyorayo	/ɲɔʔayɔ/	'minta bantuan'
goma	/gɔma/	'gemal'
bako	/bako/	'bakul'
sopuluh duo	/sɔpuluh duɔ/	'dua puluh peratus'

Apabila padi sudah di *kopok* 'tempat menyimpan padi' pekerjaan seterusnya ialah mengirik, mengangin dan menampi. Dalam proses ini didapati pemakaian kosa kata berikut:

ngirek	/ŋiʔɛʔ/	'mengirik'
irek	/ʔiʔɛʔ/	'irik'
jomami	/jɔʔami/	'tangkai padi'
gagang	/gagaŋ/	'bahagian tangkai padi'
tika	/tika/	'tikar'
niru	/niʔu/	'niru'
tampi	/tampi/	'tampi'
nampi	/nampi/	'menampi'
ampo	/ampɔ/	'hampa'
ampo layang	/ampɔ layaŋ/	'hampa'
ampo borek	/ampɔ bɔʔɛʔ/	'hampa'

Padi yang sudah diangin disimpan dalam *kui* 'tempat menyimpan padi'. Apabila diperlukan beras, padi dari dalam kui itu dikeluarkan dan dijemur, kemudian ditumbuk atau dikisar dahulu baru ditumbuk. Pada masa ini terdapat pemakaian kosa kata berikut:

losong	/lɔsɔŋ/	'lesung'
indek	/ʔindeʔ/	'lesung kaki'
antan	/ʔantan/	'antan'
jomoan; muran	/jɔmoan; muʔan/	'padi yang dijemur'
tika	/tika/	'tikar'
masak	/masaʔ/	'masak' (padi yang dijemur)
mangkeh	/maŋkɛh/	'terlalu masak'
kisa	/kisa/	'alat pemecah kulit padi'
tampi	/tampi/	'proses mengasingkan kulit padi dari beras'
sokam	/sɔkam/	'kulit padi dari kisanan'
numbok	/numbɔʔ/	'menumbuk padi atau beras yang baru dikisar'
dodak	/dɔdaʔ/	'dedak'

boreh	/boʔɛh/	'beras'
antah	/antah/	'antah'

Kerajaan pernah menganjurkan agar petani menanam padi dua kali setahun, yang bertujuan meningkatkan hasil padi untuk keperluan negara, tetapi setelah dipraktikkan beberapa tahun percubaan itu gagal, kerana petani-petani tidak dibekalkan secara psikologis dan pengetahuan yang cukup untuk merawat tanaman padi mereka yang memerlukan cara saintifik, yakni airnya tidak boleh melebihi ukuran dari yang ditentukan dan tidak boleh kurang dan sebagainya. Sehubungan dengan peristiwa ini kosa kata yang dipakai petani adalah:

bajak	/bajaʔ/	'traktor'
torekta	/toʔɛkta/	'traktor'
bajo	/bajo/	'baja'
racon	/Yacon/	'racun'
padi tigo bulan	/padi tigo bulan/	'padi tiga bulan'

Sekarang timbul masalah baru di kalangan petani. Generasi muda mulai lari ke kota meninggalkan kehidupan desa. Mereka tidak mahu lagi bekerja di sawah, mereka kini tertarik dengan kehidupan baru di kota akibat dari pembangunan dan Dasar Ekonomi Baru. Maka tinggallah orang-orang tua meneruskan usaha penanam padi semampu mereka. Akibatnya banyakkah sawah yang terbengkalai dan menimbulkan masalah kepada pemerintah. Sehubungan dengan peristiwa ini, didapati pemakaian kosa kata berikut:

sawah liat	/sawah liat/	'sawah yang tidak diusahakan'
poduo	/pɔduo/	'disewakan; hasilnya di bagi dua'
potigo	/pɔtigo/	'hasilnya dibagi tiga'
pajak	/pajaʔ/	'sewa'
jua	/jua/	'jual'
boli	/boli/	'beli'
moli	/mɔli/	'membeli'
dan sebagainya.		

2.2 Penoreh Getah

Hampir semua penduduk desa bergantung pada hasil getah. Ada yang memiliki kebun getah sendiri dan mengerjakannya sendiri, dan ada yang memiliki kebun sendiri tetapi dikerjakan oleh orang lain yang tidak mempunyai apa-apa. Dari tanaman getah ini, masyarakat desa mendapat wang kontan untuk perbelanjaan sehari-hari.

Penoreh getah terdiri dari kaum lelaki dan perempuan, tetapi umumnya lelaki baik yang sudah berkeluarga mahupun anak muda yang sudah tidak

bersekolah lagi. Di kalangan penoreh getah yang mengambil upah menyadap dari pemilik kebun terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

lot	/lot/	'kebun'
poduo	/pɔduɔ/	'bagi dua'
ambek bolidi	/ʔambeʔ bɔlidi/	'ambil baldi'.

Pemakaian kosa kata tersebut adalah sewaktu menerangkan kebun yang mana yang diizinkan, dan cara-cara pembagian hasil yang diperoleh. Persetujuan dua belah pihak ditandai dengan pengambilan baldi dari pemilik tanah untuk menempatkan susu getah yang ditoreh untuk dibawa pulang. Susu getah ini biasanya harus dibekukan di rumah pemilik tanah. Di tempat pembekuan getah itu disediakan segala alat untuk mengolah susu getah itu. Kosa kata yang didapati sewaktu mengolah getah adalah:

takong	/takɔŋ/	'wadah pembekuan getah'
tapeh	/tapɛh/	'tapisan'
gayong	/gayɔŋ/	'penyukat getah'
ae	/ʔae/	'air'
kacau	/kacaw/	'kacau'
pongacau	/pɔŋacaw/	'alat untuk membekukan getah'
cuko	/cukɔ/	'asid formik' (10%)
boku	/bɔku/	'beku'
lecek	/leɔɛʔ/	'ditipiskan dengan tangan'
mesen	/mesɛn/	'mesin'
mesen lichen	/mesɛn lichen/	'mesin tak berbunga'
mesen bungo	/mesɛn buŋɔ/	'mesin berbunga'

Penoreh getah mulai bekerja sesudah solat subuh dan sarapan. Alat menoreh ialah *pisau getah* yang sudah diasah. Pada waktu bekerja kosa kata yang dipakai adalah:

polan	/polan/	'torehan'
polan satu	/polan satu/	'satu torehan'
polan duo	/polan duɔ/	'dua torehan'
polan panjang	/polan panjang/	'torehan panjang'
sogirep	/sɔgiʔep/	'sekerap'
sogirep cabot	/sɔgiʔep cabot/	'sekerap dari torehan'
sogirep cawan	/sɔgiʔep cawan/	'sekerap dari cangkir'
abeh	/abeh/	'ditoreh semua'
angkat	/aŋket/	'angkat'
ngangkat	/ŋaŋket/	'angkat'

Pada masa mengambil susun getah dipakai kosa kata sebagai berikut:

bolidi	/bɔlidi/	'baldi'
--------	----------	---------

angket	/ʔaŋket/	'masukkan getah ke dalam baldi'
nitek	/niteʔ/	'menitis'
tadah	/tadah/	'tampung'
doreh	/dɔʔeh/	'awal'
copek	/cɔpɛʔ/	'cepat'
lambek	/lambɛʔ/	'lambat'
buku	/bɔku/	'beku'

Getah yang sudah terkumpul dalam baldi itu dibawa pulang dan dibekukan. Pada waktu pembekuan getah terdapat pemakaian kosa kata berikut:

pokat	/pɔkat/	'kental'
jalang	/jalang/	'cair'
banyak	/baŋaʔ/	'banyak'
kurang	/kurang/	'kurang'
uboh ae	/ʔuboh ʔae/	'bubuhi air'
tambah ae	/tambah ʔae/	'tambah air'
tapeh	/tapeh/	'tapis'
gayong	/gayoŋ/	'alat sukat'
takong	/takoŋ/	'wadah pembekuan'
kacau	/kacaw/	'kacau'
pongacau	/pɔŋacaw/	'alat pembekuan getah'
cuko	/cuko/	'asid formik' (10%).

Apabila getah sudah beku lalu dimesin untuk dijadikan kepingan getah. Pada waktu pengepingan getah ini dipakai kosa kata sebagai berikut:

lecek	/leceʔ/	'ditipiskan dengan tangan'
mesen	/mesɛn/	'dimesin'
mesen lisen	/mesɛn lisen/	'mesin tak berbunga'
mesen bungo	/mesɛn buŋɔ/	'mesin berbunga'
tando	/tando/	'tanda'

Getah yang sudah dijemur diangkat pada waktu petang. Pemakaian kosa kata sehubungan dengan pekerjaan selanjutnya adalah:

angket	/aŋket/	'angkat'
sidaian	/sidayan/	'sidaikan'
ampaian	/ampayan/	'sidaikan'
lungokan	/luŋoʔan/	'lunggukkan'.

Penoreh getah biasanya habis bekerja kira-kira pukul dua. Sesudah bekerja ia mandi, solat dan makan tengah hari. Sesudah itu mereka umumnya tidak bekerja lagi. Pada kira-kira pukul lima petang mereka ke kedai kopi di desa itu. Di sana mereka santai sambil minum kopi atau teh susu. Dalam perbualan itu

mereka sering membicarakan hal-hal mengenai harga getah atau keadaan cuaca pada esok hari yang akan menentukan hari kerjanya. Pada waktu ini dipakai kosa kata sebagai berikut:

rogo	/ʔɔgo/	'harga'
rogo sogirep	/ʔɔgo sɔgiʔep/	'harga sekerap'
rogo gotah	/ʔɔgo ɡɔtah/	'harga getah'
rogo naek	/ʔɔgo naeʔ/	'harga naik'
rogo turun	/ʔɔgo tuʔon/	'harga turun'
golap	/ɡɔlap/	'gelap'

2.3. Peladang

Peladang merupakan sebuah kata yang telah mengalami proses afiksasi dari kata dasar ladang. [“...W.J.S. Poerwadarminto, 1976:548) memberikan erti ladang sebagai tanah yang diusahakan dan ditanami ubi, dan sebagainya yang tidak diairi...”] Jadi peladang dalam konteks ini bererti mereka yang mengusahakan kehidupan hasil ladang di ladang.

Masyarakat desa di Negeri Sembilan pada umumnya menjadi petani dan penoreh getah, adalah juga peladang. Sebagai peladang mereka menanam ubi, keledak, kunyit, cili, serai, pisang, dan pohon buah-buahan. Pada permulaan mereka mengusahakan tanah itu dipakai kosa kata sebagai berikut:

tobeh	/tɔbeh/	'tebas'
nobeh	/nɔbeh/	'menebas'
paga	/paga/	'pagar'
maga	/maga/	'memagar'
kawat duri	/kawat duʔi/	'kawat duri'
kawat jareng	/kawat jaʔeŋ/	'kawat jaring'
ancak paga	/ʔancaʔ paga/	'tiang pagar'

Apabila sudah siap ditebas dan dipagar mereka pun mulailah menanam. Pada masa ini dipakai kosa kata:

poron	/poʔon/	'longgokan sampah'
moron	/moʔon/	'membakar sampah'
cobak	/cɔbaʔ/	'membalikkan tanah dengan cangkul'
nyobak	/ŋɔbaʔ/	'membalikkan tanah dengan cangkul'
lubang	/lubaŋ/	'lubang'
muek lubang	/muεʔ lubaŋ/	'menggali lubang'
tanam	/tanam/	'tanam'
nanam	/nanam/	'menanam'
narah rumput	/naʔah ʔumpot/	'membuang rumput dengan cangkul'

ngomboan tanah	/ŋɔmboan tanah/	'menggemburkan tanah'
pupok	/pupoʔ/	'bubuh tanah di pangkal tanaman'

Mereka yang berladang mendapat subsidi dari pemerintah berupa kawat pagar, baja dan benih. Kosakata yang dipakai adalah:

kawat jareng	/kawat jaʔeŋ/	'kawat jaring'
kawat duri	/kawat duʔi/	'kawat duri'
bajo	/bajo/	'pupuk'
gulong	/gulonŋ/	'gulungan kawat'

Apabila tanah itu sudah siap dibersihkan dan dipagar lalu ditanam dengan bermacam-macam jenis tanaman. Tanaman ini dijaga. Bila tanaman seperti pisang, ubi, keledak sudah besar dan tampak berhasil maka didapati pemakaian kosakata sebagai berikut:

borisi	/boʔisi/	'berisi'
bojantong	/bojantonŋ/	'berjantung'
isi ubi	/ʔisi ʔubi/	'ubi'
isi keledak	/kolɛdɛʔ/	'keledak'
pucok ubi	/pucoʔ ʔubi/	'pucuk ubi'
pucok keledak	/pucoʔ kolɛdɛʔ/	'pucuk keledak'
lado	/lado/	'cili'
kunyet	/kunjɛt/	'kunyit'
sorai	/soʔay/	'serai'
nio	/nio/	'kelapa'
nangko	/nanŋko/	'nangka'
compodak	/compodaʔ/	'cempedak'
pisang	/pisanŋ/	'pisang'
jantong	/jantonŋ/	'jantung pisang'
bobungo	/bobunŋo/	'berbunga'
bojantong	/bojantonŋ/	'berjantung'
bobuah	/bobuah/	'berbuah'

Apabila mereka mengutip hasil dipakai kosakata berikut:

potek	/poteʔ/	'petik'
pungot	/punŋot/	'pungut'
gali	/gali/	'gali'
ngali	/ŋali/	'menggali'
tobang	/tobanŋ/	'tebang'
nobang	/nobanŋ/	'menebang'
kaet	/kaet/	'kait'
ngaet	/ŋaet/	'mengait'
cabot	/cabot/	'cabut'

ambek	/ʔambeʔ/	'ambil'
panjek	/panjeʔ/	'panjat.'

Sekarang banyak sawah yang kekeringan dan terbenkakai. Selain dari itu terdapat juga sawah yang terbenkakai kerana kekurangan jumlah tenaga petani. Hal ini mendapat perhatian pemerintah, maka dianjurkan supaya tanah ini dijadikan tempat menanam jagung. Anjuran itu disertai dengan subsidi pembajakan tanah dengan traktor serta memberi bibit jagung. Dalam situasi ini dipakai kosa kata:

bajak	/bajaʔ/	'traktor'
majak	/majaʔ/	'membajak'
boneh	/boneh/	'bibit'
pocuma	/pocuma/	'cuma' (gratis)
tuga	/tuga/	'tanam jagung'
nuga	/nuga/	'menanam jagung'
tumoh	/tumoh/	'tumbuh'
subo	/subo/	'subur'
gomok	/goməʔ/	'subur'.

Apabila sudah berbuah dan masak dipakai kosa kata berikut:

potek	/poteʔ/	'petik'
motek	/moteʔ/	'memetik'
tungko	/tuŋko/	'buah jagung'
sotungko	/sɔtuŋko/	'sebuah'
jua	/jua/	'jual'
borong	/boɽəŋ/	'borong'
encet	/encet/	'jual runcit'

2.4 Peternak

Satu lagi corak kehidupan masyarakat desa di Negeri Sembilan ialah beternak. Binatang yang ditenak terdiri dari ayam, itik, kerbau, kambing dan lembu. Usaha ini kecil-kecilan saja sebagai penambah pendapatan di samping keperluan konsumsi sekeluarga.

Semua keluarga beternak ayam, tetapi jumlahnya tidaklah banyak. Di kalangan yang menternak ayam, dipakai kosa kata sebagai berikut:

ayam	/ʔayam/	'ayam'
ayam jantan	/ʔayam jantan/	'ayam jantan'
ayam tino	/ʔayam tino/	'ayam betina'
inok ayam	/ʔinoʔ ʔayam/	'ibu ayam'
anak ayam	/ʔanaʔ ʔayam/	'anak ayam'
ayam daro	/ʔayam dayə/	'ayam betina yang belum pernah bertelur'

tolo ayam	/tolo ʔayam/	'telur ayam'
roban ayam	/ʔoban ʔayam/	'kandang ayam'
potarang	/potaɾaŋ/	'tempat ayam bertelur'
botolo	/botoloʔ/	'bertelur'
ngoram	/ŋɔɾam/	'mengeram'
noteh	/notɛh/	'menetas'
banyak	/banaʔ/	'banyak'
kocek	/kocekʔ/	'kecil'
bosa	/bosa/	'besar'
buleh moleh	/buleh moleh/	'sudah besar untuk disem- belih'
campa	/campa/	'penyakit ayam'.

Kosa kata *kocek*, *bosa*, *banyak* dan *buleh moleh* itu menerangkan keadaan anak ayam yang diperlihara itu.

Ayam yang diternak biasanya kurang diperhatikan makanannya kerana ayam itu dapat mencari makanannya di perkarangan rumah dengan mecatur sisa-sisa nasi yang dibuang ke tanah dan mengais-ngais di tanah. Namun demikian ada juga mereka yang memberi makan ayamnya. Pemakaian kosa kata yang dipakai sehubungan dengan hal ini adalah:

jagung	/jagoŋ/	'jagung'
nasik sojok	/nasi sojokʔ/	'nasi semalam'
molukot	/molukot/	'melukut'
ampeh nio	/ʔampeh nio/	'hampas kelapa'
dodak	/dodaʔ/	'dedak'

Beternak itik agak sulit kerana itik memerlukan makanan yang agak banyak dari ayam dan harus disediakan. Umumnya mereka yang memelihara itik memiliki sagu untuk makanan itik. Selain dari itu itik makan dedak. Pemakaian kosa kata yang dipakai di kalangan mereka yang menternak itik ini adalah:

itek jantan	/ʔiteʔ jantan/	'itik jantan'
itek tino	/ʔiteʔ tino/	'itik betina'
itek boto	/ʔiteʔ boto/	'itik'
itek nilo	/ʔite nilo/	'itik'
tolo itek	/tolo ʔitek/	'telur itik'
roban itek	/ʔoban ʔitek/	'kandang itik'
makan itek	/makan ʔiteʔ/	'makanan itik'
sagu	/sagu/	'sagu'
sagu parot	/sagu paɾot/	'sagu yang diparut'
dodak	/dodaʔ/	'dedak'
ampo borek	/amp boɾɛʔ/	'hampa padi'
ae itek	/ʔae ʔitek/	'air minuman itik'.

Adalah juga yang beternak kambing orang dengan sistem *poduo*, hasilnya

dibagi dua. Kosakata yang dipakai kalangan mereka yang beternak kambing adalah:

kambeng licen	/kambe licen/	'kambing'
kambeng biri-biri	/kambe biyi-biyi/	'kambing biri-biri'
bobiri	/bɔbiyi/	'kambing biri-biri'
kambeng jantan	/kambɛŋ jantan/	'kambing jantan'
kabeng tino	/kambɛŋ tino/	'kambing betina'
kandang kambing	/kandaŋ kambɛŋ/	'kandang kambing'
bunteng	/bunɛŋ/	'bunting'
boranak	/bɔranaʔ/	'melahirkan'
api kambing	/ʔapi kembɛŋ/	'api untuk memanaskan kambing'
bodiang	/bɔdiang/	'berdiri dekat api'

Kerbau merupakan binatang ternak yang berharga. Mereka yang memiliki kerbau tergolong orang yang berada. Bagi orang yang berada ini beternak kerbau merupakan penanaman modal. Kerbau itu diperduakan kepada mereka yang dianggap serasi memelihara kerbau. Dari mereka yang beternak kerbau didapati pemakaian kosakata sebagai berikut:

kandang kobau	/kanda kɔbaw/	'kandang kerbau'
tali kobau	/tali kɔbaw/	'tali kerbau'
kobau jantan	/kɔbaw jantan/	'kerbau jantan'
kobau tino	/kɔbaw tino/	'kerbau betina'
tambang kobau	/tambaŋ kɔbaw/	'tempat menambatkan kerbau'
kubang kobau	/kubaŋ kɔbaw/	'kubangan kerbau'
rumpot sabet	/ɣumpot sabet/	'rumpot makanan kerbau'
salang	/salaŋ/	'bekas membawa rumpot'
tindek	/tindeʔ/	'tindik'
nindek	/nindeʔ/	'menindik kerbau'

Lembu merupakan binatang ternakan yang relatif baru. Umumnya mereka yang menternak lembu itu mendapat lembu dari pemerintah sebagai pemberian dengan syarat, apabila sudah berkembang biak hendaklah diberikan gantinya seekor kepada pemerintah. Dari kalangan mereka yang beternak lembu ini didapati pemakaian kosakata berikut:

lembu	/ləmbu/	'lembu'
lembu jantan	/ləmbu jantan/	'lembu jantan'
lembu tino	/ləmbu tino/	'lembu betina'
kandang lembu	/kanda ləmbu/	'kandang lembu'
lopehan lembu	/ləpehan ləmbu/	'melepaskan lembu'

2.5 Pemburu

Di kalangan penghuni desa masih terdapat mereka yang jadi pemburu walaupun jumlahnya sedikit. Pemburu-pemburu ini menggunakan *senapang patah* untuk memburu rusa, pelanduk, kijang, kancil, ayam denak, burung-burung seperti punai, ayam-ayam, belibis, bangau dan sebagainya. Dari kalangan pemburu ini didapati pemakaian kosa kata berikut:

peta	/pɛta/	'menepatan sasaran'
tembak	/tɛmbaʔ/	'tembak'
sodeh	/sɔdɛh/	'satu das'
duo deh	/duɔ dɛh/	'dua das'
ponabo	/pɔnabo/	'peluru senapang'
baksot	/baksot/	'peluru senapang'
lareh satu	/laɾɛh satu/	'laras satu'
nyuloh	/ɲuloh/	'menyuluh cara mencari kancil'
lareh duo	/laɾɛh duɔ/	'laras dua'
ngotok	/ŋɔto/	'mengetuk: cara mencari kancil'

Apabila ia mendapat buruan diserahkan kepada si isteri untuk diolah. Semasa mengolahnya didapati pemakaian kosa kata berikut:

cabot bulu	/cabot bulu/	'buang bulu' (burung)
buang bulu	/buaŋ bulu/	'buang bulu (kancil)'
tobok	/tɔboʔ/	'buang ususnya'
lapah	/lapah/	'dipotong'
siang	/siaŋ/	'dipotong-potong'
lado	/ladɔ/	'cili'
kunyet	/kuɲɛt/	'kunyit'
nio	/nio/	'kelapa'
rompah	/ɾɔmpah/	'ketumbar'
gulai	/gulay/	'gulai'
rondang	/ɾɔndaŋ/	'rendang'

2.6 Peramu (Orang yang mencair hasil hutan)

Di hutan dan belukar yang berdekatan dengan desa biasanya terdapat tumbuh-tumbuhan liar, yang boleh dijadikan sayur dan sangat disukai mereka turun temurun. Mencari daun-daunan yang boleh dibuat sayur itu dinamakan meramu. Mereka yang meramu itu disebut peramu. Wanita umumnya meramu sayur-sayuran di belukar pinggir desa. Lelaki yang meramu bukan mencari sayuran, tetapi mencari rotan, kayu untuk mendirikan reban ayam, reban itik, kandang kambing, kandang kerbau dan kandang lembu dan untuk membuat rumah atau untuk menukar bahagian kayu rumah dan sebahagiannya. Dari

kalangan peramu wanita didapati pemakaian kosa kata berikut:

pucok paku	/puco? paku/	'pakis'
daun mali-mali	/daun mali-mali/	'sejenis sayuran'
pucok momporai	/puco? mɔmpɔɣay/	'sejenis sayuran'
pucok kandeh	/puco? kandeh/	'sejenis daun asam'
kolilayau	/kɔlilayaw/	'sejenis sayuran'
conawam	/cɔnawan/	'cendawan'
conawan kuko	/cɔnawan kuko/	'cendawan kukur'
conawan busot	/cɔnawan busot/	'cendawan busut'
conawan melukot	/cɔnawan melukot/	'cendawan melukot'

Dari kalangan peramu lelaki didapati pula pemakaian kosa kata berikut:

rotan	/ɣɔtan/	'rotan'
kayu paga	/kayu paga/	'tiang pagar'
kasau	/kasaw/	'kayu rumah'
tiang	/tiaŋ/	'kayu tiang'
bono	/bɔno/	'untuk membuat bendul'
kayu roban	/kayu ɣɔban/	'untuk membuat kandang'
joriau	/joɣiaw/	'untuk bagian rumah'
joreng	/jɔɣeŋ/	'jering'
potai	/pɔtai/	'petai'
korodeh	/kɔɣɔdeh/	'kerdas'

2.7 Penangkap Ikan

Penangkap ikan di sini bukan bererti nelayan yang bergerak di laut, tetapi mereka yang tinggal di desa dan berusaha sebagai petani, penoreh getah, peladang dan sebagainya, dan tinggal berdekatan dengan sungai yang agak kecil. Penangkap ikan ini dapat disamakan dengan pemburu tadi, yakni mereka mencari ikan bukan untuk dijual, tetapi untuk keperluan sehari-hari. Mereka mencari ikan di sungai dan sawah. Di kalangan penangkap ikan ini didapati pemakaian kosa kata berikut:

kae	/kae/	'kail'
ngae	/ŋae/	'mengail'
tajo	/tajo/	'sejenis kail'
najo	/najo/	'mengail ikan haruan'
ngilat	/ŋilat/	'mengail ikan sebarau'
lukah	/lukah/	'bubu'
jalo	/jalo/	'jala'
joramak	/jɔɣama?/	'jala kecil'
tangok tali	/taŋo? tali/	'tangguk tali'
koca	/kɔca/	'menjala'
ngoca	/ŋɔca/	'menjala'
tamon	/tamon/	'perangkap ikan'

2.8 Perencam (Orang yang mengambil upahan)

Di antara anggota-anggota masyarakat desa ada juga yang berusaha sebagai perencam mencari kehidupan sehari-hari. Perencam ini biasanya mereka yang tidak memiliki tanah sawah mahupun ladang getah untuk dikerjakan. Mereka ini merupakan tenaga pekerja yang biasa diajak membantu (dengan upah) mengerjakan sesuatu yang tidak dapat dikerjakan oleh seseorang kerana tidak ada waktu. Di kalangan perencam ini dipakai kosa kata:

muek paga	/mucʔ paga/	'membuat pagar'
motoan paga	/mɔtoan paga/	'membaiki pagar'
ganti atap	/ganti atap/	'menukar atap'
nganti atap	/ŋanti atap/	'menukar atap'
manjek nio	/manjɛʔ nio/	'memanjat kelapa'
nobeh	/nobɛh/	'menebas'
ngali lubang	/ŋali lubang/	'mengali lubang'
nanam	/nanam/	'menanam'
masang kawat	/masa kawat/	'memasangkan kawat'
sojalan	/sojalan/	'satu jalur'
duo jalan	/duo jalan/	'dua jalur'
tigo jalan	/tigo jalan/	'tiga jalur'
kiro ari	/kiɽo aɽi/	'ukuran masa bekerja'
sopagi	/sɔpagi/	'pagi sampai tengah hari'
sopotong	/sɔpɔtaŋ/	'tengah hari sampai pe- tang'
borong	/boɽɔŋ/	'borong'

3. KOSA KATA KERAJINAN TANGAN

3.1 Penganyam Tikar

Pada masyarakat desa tikar mempunyai fungsi adat dan sosial. Kalau ada orang datang dibentangkan tikar. Secara tersirat ia merupakan satu penghormatan kepada tamu. Walaupun sekarang pengaruh modernisasi sudah ada kerusi meja di rumah, tetapi itu hanya untuk kegunaan sebagai perabot dan untuk keluarga duduk. Bila mengadakan kenduri besar atau kecil meja diketepikan atau diturunkan ke bawah rumah. Sebagai gantinya dibentangkan tikar.

Tikar ini dibuat oleh kaum wanita. Dapat dikatakan semua golongan, baik generasi ibu mahupun nenek tahu menganyam tikar. Tikar dibuat dari *mengkuang*. Pada waktu mengolah *mengkuang* untuk dibuat tikar terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

mongkuang	/mɔŋkuang/	'pandan'
ngopang	/ŋɔpaŋ/	'dipotong tepat'
muang duri	/muang duɽi/	'membuang duri'
layo daun	/layo daun/	'melayur daun pandan'

jangko	/jaŋkɔ/	'alat untuk membelah daun'
jangko aloeh	/jaŋkɔ ʔaloeh/	'alat untuk membelah-belah daun' (halus)
jangko kasa	/jaŋkɔ kasa/	'alat untuk membelah-belah daun (kasar)'
nyangko	/ɲaŋkɔ/	'membelah daun'
rondam	/ʔɔndam/	'rendam'
jomo	/jɔmɔ/	'dijemur'.

Apabila mangkuang sudah tersedia barulah proses menganyam tikar dimulai. Masa menganyam ini didapati pemakaian kosa kata sebagai berikut:

tajo	/tajo/	'taja'
najo	/najo/	'menja'
anyam	/ʔaŋ am/	'anyam'
ngayam	/ŋaŋ am/	'menganyam'
anyaman	/ʔaŋ aman/	'anyamkan'
lurot	/luɣot/	'lurut'
polurot	/pɔluɣot/	'alat untuk melurut'
kolarai	/kɔlayay/	'tikar yang masih diproses'
tapak	/tapaʔ/	'unit ukuran'
lapan tapak	/lapan tapaʔ/	'panjang tikar'
nyambung	/ɲambɔŋ/	'menyambung'
tika	/tika/	'tikar'

Tidak ada beberapa jenis, sesuai dengan fungsi sosial dan adat. Sebagai fungsi adat tikar dibentangkan pada waktu tamu tiba, pada waktu menunggu pengantin tiba, dan sebagai pemberian kepada saudara (suami) bila mertua meninggal dunia. Dalam pembuatan tikar untuk berbagai fungsi ini terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

tika ampa	/tika ampa/	'tikar besar'
tika ompok	/tika ɔmpoʔ/	'tikar bersulam'
tika kocek	/tika kɔceʔ/	'tikar kecil'
tika gulong	/tika gulɔŋ/	'tikar kecil' (halus).

Penganyam tikar membuat tikar untuk keperluan sendiri, kecuali itu ada juga yang menempah. Sisa-sisa *mengkuang* setelah siap tikar-tikar yang dibuat, dianyamkan menjadi berbagai-bagai benda. Dalam pembuatan kerajinan tangan itu terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

sumpet	/sumpet/	'sumpit'
bako bosa	/bako bɔsa/	'bakul besar'
bako kocek	/bako kɔceʔ/	'bakul kecil'

karong	/karɔŋ/	'sejenis sumpit (besar)'
korawang	/kɔɣawaŋ/	'sejenis sumpit'
bawa	/bawa/	'sejenis sumpit'
baong	/baɔŋ/	'sejenis sumpit'
bawang	/bawaŋ/	'sejenis sumpit'

3.2 Penganyam Buluh dan Bertam

Penganyam buluh dan bertam terdiri dari kaum lelaki saja. *Buluh* adalah sejenis tumbuh-tumbuhan yang banyak gunanya dalam masyarakat tradisional hingga dewasa ini. *Bertam* juga sejenis tumbuh-tumbuhan yang boleh dianyam menjadi bermacam-macam alat untuk keperluan masyarakat desa. Dari mereka yang mengusahakan kerajinan tangan dari bahan buluh/bertam ini didapati pemakaian kosa kata sebagai berikut:

buloh	/buloh/	'buluh'
korek	/kɔɣeʔ/	'kerat'
ropang	/rɔpaŋ/	'potong tepat'
bolah	/bɔlah/	'belah'
racek	/ɣaceʔ/	'racik'
raot	/ɣaot/	'raut'
somilu	/sɔmilu/	'sembilu'
tompulo	/tɔmpulo/	'bahagian isi bambu'
bilah	/bilah/	'bahagian luar bambu'
aloeh	/ʔaloeh/	'halus'
kasa	/kasa/	'kasar'
parang	/paɣaŋ/	'parang'
pisau	/pisaw/	'pisau'
pisau raut	/pisaw ɣaut/	'pisau kecil'

Setelah anyaman itu siap didapati pemakaian kosa kata sebagai berikut:

aloeh	/ʔaloeh/	'halus'
kasa	/kasa/	'kasar'
kocek	/koceʔ/	'kecil'
sodang	/sɔdaŋ/	'sedang'
tapeh	/tapeh/	'tapisan'
tangok	/taŋ oʔ/	'tangguk'
rago	/ɣago/	'raga'
lukah	/lukah/	'bubu'
niru	/niɣu/	'niru'

3.3 Pembuat Sangkar Burung

Salah satu kegemaran masyarakat desa ialah memelihara burung. Mereka yang suka memelihara burung itu ialah anak muda. Di antara burung-burung

yang disukai ialah burung *pipit hitam (poret-poret)*, *merebah*, *detik-detik*, *burung kelicap mayang*.

Burung-burung itu dikurung dalam sangkar yang dibuat sendiri. Sangkar burung tertentu mempunyai ciri khusus. Jenis-jenisnya dapat dilihat dari pemakaian kosa kata yang khusus iaitu:

sangka	/saŋka/	'sangkar'
sangka bumong	/saŋka bumoŋ/	'jenis sangkar'
sangka bulat	/saŋka bulat/	'jenis sangkar'
sangka solindet	/saŋka solindet/	'jenis sangkar'
sangka puyoh	/saŋka puyoh/	'jenis sangkar'
jobak	/jɔbaʔ/	'perangkap' (sangkar perangkap)
jobak poret-poret	/jɔbaʔ pəʔet-pəʔet/	'perangkap burung pipit'
jobak morobah	/jɔbaʔ məʔɔbah/	'perangkap burung merebah'
jobak dotik-dotik	/jɔbaʔ dɔtiʔ-dɔtiʔ/	'perangkap burung detik-detik'

Pada waktu membuat sangkar dan *jobak* 'perangkap' didapati pemakaian kosa kata sebagai berikut:

polopah borotam	/pɔlɔpah bɔʔɔtam/	'pelepah bertam'
polopah mio	/pɔlɔpah mio/	'pelepah rembia'
batang pimpen	/batanɲ pimpen/	'sejenis tumbuhan'
lidi nio	/lidi nio/	'lidi kelapa'
bilah	/bilah/	'bilah'
tiang	/tiang/	'tiang'
bono	/bɔno/	'bendul'
bumong	/bumoŋ/	'bumbung'
cucok	/cucok/	'cucuk'
nyucuk	/ɲucok/	'mencucuk'
sisep	/sisep/	'sisip'
nyisep	/ɲisep/	'menyisip'
godabong	/gɔdabɔŋ/	'keratan buluh kecil'.

Orang-orang dewasa memelihara burung yang tenama dan dikurung dalam sangkar yang dibeli dari tukang sangkar. Di antara burung yang dipelihara mereka ialah: *burung balam*, *merebuk*, *puyoh*, *serindet*. Pemakaian kosa kata berhubung dengan pembuatan sangkar burung tersebut sama dengan kosa kata yang telah disenaraikan di atas.

3.4 Pembuat Ukiran

Pembuat ukiran biasanya tukang rumah. Ukiran dibuat pada tiang, jendela, dinding, pintu dan bagian-bagian lainnya. Benda-benda lain yang diukir

termasuklah alat perhiasan, meja, lemari, kerusi, ulu parang, pisau, keris, dan alat permainan seperti gasing. Sehubungan dengan alat kerjanya didapati pemakaian kosa kata sebagai berikut:

kike	/kike/	'kikir'
pahat	/pahat/	'pahat'
pahat kocek	/pahat kɔceʔ/	'pahat kecil'
pahat bosa	/pahat bɔsa/	'pahat besar'
songerek	/sɔŋɛʔɛʔ/	'pelubang'
songerek kocek	/sɔŋɛʔɛk kɔceʔ/	'pelubang kecil'
songerek bosa	/sɔŋɛʔɛk bɔsa/	'pelubang besar'
pisau ali	/pisaw ali/	'pisau kecil'.

Pengukir ini tergolong orang seni. Mereka mendapat kepuasan dari hasil ukiran yang baik. Dalam penilaiannya terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

kasa	/kasa/	'kasar'
aloeh	/ʔaloeh/	'halus'
somporno	/sɔmpɔɔno/	'sempurna'
cantek	/canteʔ/	'cantik'
padan	/padan/	'cocok'.

3.5 Pembuat Jala

Menangkap ikan di sungai merupakan sebahagian dari kehidupan masyarakat desa. Jala adalah alat yang digunakan mereka. Ada jala kecil yang dinamakan *jomak* dan ada jala besar. Mencari ikan di sungai adalah pekerjaan kaum lelaki.

Tidak semua orang tahu membuat jala. Ketampilan membuat jala ini dimiliki oleh orang tertentu saja. Dalam proses membuat jala ini terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

bonang	/bɔnaŋ/	'benang'
cuban	/cuban/	'cuban, alat penjalin'
bepang	/bepaŋ/	'kayu ukur penjalinan'
sirat	/siyat/	'menjalin'
nyirat	/ɲiyat/	'menjalin'
pucok	/pucoʔ/	'bagian awal jala'
mato	/mato/	'jalinan'
kando	/kando/	'tepat menampung ikan'
rawan	/ʔawan/	'unit jala'
polamong	/pɔlamɔŋ/	'pelampung jala'.

Jala ini terdiri dari jalinan benang dan rantai timah. Rantai ini juga dibuat sendiri. Dalam mengerjakan rantai jala ini terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

turang	/turaŋ/	'acuan'
--------	---------	---------

nurang	/nuɾaŋ/	'acuan, membuat rantai'
turang cincen	/tuɾaŋ cɪncen/	'jenis acuan'
turang rantai	/tuɾaŋ ranɾaɪ/	'jenis acuan'.

Dalam memperkatakan untuk jala itu didapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

kocek	/kʔceʔ/	'kecil'
bosa	/bɔsa/	'besar'
komang	/kɔmaŋ/	'kembang'
bonang kasa	/bɔnaŋ kasa/	'benang jenis bagus'
bonang aloe	/bona aloeh/	'benang kurang bagus'

3.6 Pembuat Atap (Penyemat Atap)

Atap ialah daun rumbia yang disusun-susun dan diikat dengan tali rotan untuk dijadikan atap rumah. Pembuat atap umumnya wanita. Jarang kita jumpa kaum lelaki yang mengerjakan atap. Bahagian atap terdiri dari *bolobeh* 'buluh yang diracip', daun dan rotan. Pada waktu membuat *bolobeh* 'buluh yang diracip' didapat pemakaian kosa kata berikut:

buloh	/buloh/	'buluh'
buloh bolobeh	/buloh bɔlɔbɛh/	'buluh tua'
bolobeh	/bɔlɔbɛh/	'buluh yang diracip'
indok bolobeh	/indoʔ bɔlɔbɛh/	'buluh yang diracip besar'
anak bolobeh	/anaʔ bɔlɔbɛh/	'buluh yang diracip kecil'.

Pada waktu mengambil *daun rumbia* terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

boban	/bɔban/	'daun yang diikat'
ikek boban	/ikeʔ bɔban/	'pengikat beban'
boban bosa	/bɔban bɔsa/	'beban besar'
boban kocek	/bɔban bɔsa/	'beban kecil'
daun bosa	/daun bɔsa/	'daun yang lebar'
daun kocek	/daun kɔsa/	'daun yang kecil'.

4.0 KOSA KATA PERDAGANGAN

Masyarakat desa di Negeri Sembilan sebagai yang telah dijelaskan adalah masyarakat tani, iaitu pesawah, penoreh getah, peladang dan peternak kecil-kecilan. Namun demikian masyarakat ini tidaklah tertutup dari dunia luar. mereka masih bergantung pada dunia luar baik makanan mahupun pakaian yang terdapat di kota. Salah satu hubungan dengan dunia luar itu ialah melalui kontek perdagangan yang diusahakan beberapa orang dari kalangan mereka. Kegiatan perdagangan inilah yang mengatasi keperluan tambahan masyarakat

desa yang serba sederhana itu. Pedagang ini dapat dikelompokkan sebagai penjaja, pekedai dan pedagang.

4.1 Penjaja

Yang dimaksud dengan penjaja ialah mereka yang berusaha untuk kehidupannya dengan menjajakan barang dagangan dengan berbasikal atau bermotosikal dari desa ke desa. Ada dua macam penjaja, iaitu penjaja *ikan basah* (ikan laut) dan sayur-sayuran. Di kalangan penjaja ikan terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

ikan kombong	/ʔikan kɔmbɔŋ/	'ikan kembung'
ikan concaru	/ʔikan cɔncayɔ/	'ikan caru-caru'
ikan merah	/ʔikan mɛyah/	'ikan kakap merah'
ikan parang	/ʔikan paʔaŋ/	'ikan parang'
ikan bolanak	/ʔikan bɔlanəʔ/	'ikan belanak'
ikan sola	/ʔikan sɔlə/	'ikan selar'
ikan tongiri	/ʔikan tɔŋiʔi/	'ikan tenggiri'
korang	/kɔraŋ/	'kerang'
udang	/udaŋ/	'udang'

Di kalangan penjaja sayur-sayuran terdapat kosa kata sebagai berikut:

bayam	/bayam/	'bayam'
kangkong	/kankɔŋ/	'kangkung'
kacang	/kacaŋ/	'kacang'
torong	/tɔrɔŋ/	'terong'
timon	/timon/	'mentimun'
bende	/bendɛ/	'kacang bender'
lado bosa	/ladɔ bɔsə/	'cili merah'
lado api	/ladɔ ʔapi/	'cili api'
toge	/tɔgɛ/	'tauge'
tahu	/tahu/	'tahu'
sawi	/sawi/	'sawi'

4.2 Pekedai

Pekedai dapat digolongkan sebagai *pekedai encet* 'runcit', pekedai kopi, dan pekedai karet. Di kalangan *pekedai encet* ini terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

asam	/asam/	'asam'
garam	/gayam/	'garam'
gulo	/gulɔ/	'gula'
topong	/tɔpɔŋ/	'tepung'
topong gondom	/tɔpɔŋ gɔndom/	'tepung gandum'
boreh	/bɔʔɛh/	'beras'

kunyet	/kʉnɛt/	'kunyit'
lado koreng	/ladə kəɣeŋ/	'cabai kering'
rompah	/rəmpah/	'ketumba'
ikan koreng	/ʔikan kəɣeŋ/	'ikan kering'
ikan masen	/ʔikan masen/	'ikan asin'
minyak nio	/mijak nio/	'minyak masak'
minyak ageh	/mijak ageh/	'minyak tanah'
biskot	/biskot/	'roti (kering)'
gulo-gulo	/gulo-gulo/	'bon-bon'
pucok	/pucok/	'tahu kering'
soon	/səʔon/	'mehon'
utang	/utah/	'hutang'
baya	/baya/	'kontan'
saden	/saden/	'ikan sadin'
susu	/susu/	'susu'
kupi	/kupi/	'kopi'
te	/tɛ/	'teh'

dan sebagainya.

Kedai kopi merupakan tempat kaum lelaki bersantai sambil minum-minum dan bertukar pengalaman dan pendapat. Di kedai kopi ini terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

te	/tɛ/	'teh susu'
te o	/tɛ o/	'teh manis'
te kosong	/tɛ kəsoŋ/	'teh kosong'
kupi o	/kupi o/	'kopi saja' (manis)
kupi	/kupi/	'kopi susu'
oren	/oɣen/	'minuman botol'
bubo kacang	/bubo kacang/	'bubur kacang'
ruti	/ruti/	'roti'
nasik lomak	/nasi? loma?/	'nasi yang dimasak dengan santan kelapa'
goreng pisang	/goreŋ pisaŋ/	'pisang goreng'
kue kacang	/kue kacang/	'kue kacang hijau'

Kedai getah adalah tempat orang menjual hasil getah, iaitu getah dan sekerap getah. Di kedai pada waktu jual beli terdapat pemakaian kosa kata seperti berikut:

gotah	/gotah/	'getah'
gotah koreng	/gotah kəɣeŋ/	'getah kering'
gotah basah	/gotah/	'getah yang masih basa'
gotah elok	/gotah ʔelo?/	'getah yang bagus'
sogirep	/sogirep/	'sekerap'
sogirep cabot	/sogirep/	'sekerap dari suriban'

sogirep cawan	/sɔgiɣep cawan/	'sekerap dari cangkir'
sogirep buku	/sɔgiɣep buku/	'getah buku'
tolak basah	/tɔlaʔ basah/	'dikurangkan timbangan kerana basah'

Di kedai getah ini dijual juga barang keperluan penoreh. Di antaranya terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

pisau gotah	/pisau ɡɔtaʔ/	'pisau penoreh getah'
sudu	/sudu/	'sudu'
cawan gotah	/cawan ɡɔtaʔ/	'cangkir getah'
cuko	/cukɔ/	'asid formik'
bolidi	/bɔlidi/	'baldi'
takong	/takɔŋ/	'wadah tempat membe- kukan getah'

4.3 Pedagang

Pedagang di sini maksudnya adalah mereka yang menjual kain baju dari rumah ke rumah. Mereka menjual bermacam-macam pakaian wanita dan kain sarung untuk lelaki. Kain-kain ini dijual secara hutang. Pedagang ini menjual secara hutang. Mereka datang ke sebuah rumah; wanita lain yang berdekatan bertumpu ke situ. Dalam penjualan itu didapati pemakaian kosa kata sebagai berikut:

kain lerang	/kain lɛɣaŋ/	'kain selerang'
kain batek	/kain bateʔ/	'kain batik'
batek Jao	/batek jaɔ/	'batik Jawa'
batek sarong	/bateʔ saɣɔŋ/	'batik sarung'
batek lopeh	/bateʔ lɔpɛh/	'batik lepas'
tigo kali baya	/tigiɔ kali baya/	'hutang tiga bulan'
congkoram	/cɔŋ kɔɣam/	'uang muka'

5.0 KOSA KATA KEAGAMAAN

Salah satu ciri kehidupan masyarakat desa ialah beragama. Agama yang dianut ialah agama Islam. Manifestasi kehidupan beragama ini bukan hanya terdapat dalam amal ibadah solat, puasa, zakat, fitrah dan naik haji, tetapi terdapat juga dalam sistem ekonomi, pertanian dan lain-lain sesuai dengan hakikat bahawa Islam itu adalah satu cara hidup 'way of life'. Sehubungan dengan keadaan ini terdapat pemakaian berbagai-bagai kosa kata khusus dalam kehidupan beragama ini. Di antara bidang kosa kata yang akan diuraikan ialah dalam hukum syarak, tempat ibadah dan personaliti agama.

5.1 Hukum Syarak

Masyarakat desa memahami maksud dan tuntutan hukum syarak, terutama dalam hal-hal perkahwinan, pembagian harta, dan segala hal yang menyangkut

ibadah. Dalam bidang hukum syarak ini terdapat pemakaian kosa kata sebagai berikut:

ijap kabo	/ʔijap kabo/	'ijab kabul'
pasah	/pasah/	'tuntutan cerai'
corai	/coɾay/	'cerai'
rujok	/ɾujɔʔ/	'berbaik semula'
nasakah	/nasakah/	'gantung perkahwinan'
parak	/payəʔ/	'cerai atas perintah kadi'
poraet	/pɔɾaet/	'farait'
koriah	/koɾiah/	'kariah'
poso	/pɔsɔ/	'puasa'
jokat	/jɔkat/	'zakat'
potorah	/pɔtɔ yəh/	'fitrah'
somayang	/sɔmayəŋ/	'solat'
naek aji	/næʔ ʔaji/	'naik haji'

5.2 Tempat Ibadat

Tempat ibadat ialah tempat menjalankan kewajipan beragama seperti bersembahyang Jumaat, dan menjalankan upacara agama yang harus didukung mesyarakat umum. Kosa kata bagi tempat tersebut adalah:

mosojet	/moɔsɔjet/	'mesjid'
surau	/suɾaw/	'surau'
madarasah	/madaɾasah/	'madrasah'
ponok	/pɔnoʔ/	'pondok'

Perbezaan dalam pemakaian kosa kata surau dan masjid ialah dalam fungsinya. Masjid digunakan untuk solat Jumaat, tetapi surau tidak boleh. Surau dapat digunakan untuk tempat solat selain dari solat Jumaat. Masjid berfungsi selain sebagai tempat bersolat adalah tempat mengadakan upacara agama yang agak besar sifatnya.

5.3 Personaliti Agama

Dalam menjalankan upacara tertentu dalam masyarakat seperti solat Jumaat, solat Hari Raya Idulfitri, Hari Raya Iduladha dan menjalankan upacara kematian, kenduri kesyukuran dan sebagainya diperlukan khidmat dari personaliti, agama dalam masyarakat itu. Kosa kata personaliti agama dalam masyarakat desa adalah:

lobai	/lobai/	'orang yang dalam pengetahuan agama'
aji	/ʔaji/	'orang yang sudah naik haji'

siak	/siaʔ/	'penjaga masjid'
bila	/bila/	'orang yang bang di masjid'
kotep	/kɔtɛp/	'orang yang menjadi pembantu imam'
imam	/ʔimam/	'yang memimpin solat'
mungkin	/muŋkin/	'yang menjalankan fungsi di dalam masyarakat'
kodi	/kɔdi/	'kadi'.

6.0 PENUTUP

Huraian yang telah dibuat tidak meliputi kosa kata umum yang hidup dalam bahasa perhubungan masyarakat desa tersebut, sesuai dengan pembatasan yang diberikan dalam judul huraian ini.